

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 8 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 02

Jerebu makin buruk di Kuching, Samarahan

KUCHING - Jerebu semakin teruk melanda Sarawak apabila banyak kawasan mencatat peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dengan Kuching dan Samarahan mencatat bacaan IPU sangat tidak sihat.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak, Mejar Ismail Mahedin berkata, kawasan yang mencatat IPU tidak sihat juga meningkat kepada lapan berbanding enam kawasan kelmarin.

"Kawasan yang mencatat bacaan IPU tidak sihat 106 hingga 186 adalah tiga kawasan di Miri, Sri Aman, Samarahan, Sarikei, Sibuan dan Mukah," katanya di sini semalam.

Jelasnya, calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah



KEADAAN jerebu di bandar Kuching semakin teruk dan mencatatkan IPU sangat tidak sihat pada petang semalam.

di kawasan yang dilanda jerebu akan diberi topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga.

"Jika IPU lebih 201, se-

kolah ditutup tetapi murid yang menduduki UPSR akan diteruskan dengan pemantauan ketat sekolah," katanya.

INFO Bacaan IPU

Kangar, Perlis	91
Alor Setar, Kedah	86
Balik Pulau, Pulau Pinang	87
Seri Manjung, Perak	88
Batu Muda, Kuala Lumpur	97
Putrajaya	94
Shah Alam, Selangor	95
Nilai, Negeri Sembilan	95
Segamat, Johor	81
Miri, Sarawak	151
Sri Aman, Sarawak	176
Kuching, Sarawak	220
Samarahan, Sarawak	201
Kota Kinabalu, Sabah	74

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 ke 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (bahaya)

*Bacaan setakat pukul 6 petang